



## INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



# KONSENSUS PAKAR TERHADAP ELEMEN KRITIKAL DALAM KONSTRUK MENJAGA KESEJAHTERAAN AGAMA BAGI PEMBANGUNAN MODEL PERKHIDMATAN HOTEL PATUH SYARIAH DI MALAYSIA: SATU ANALISIS MENGGUNAKAN KAEDAH FUZZY DELPHI (FDM)

*EXPERT CONSENSUS ON CRITICAL ELEMENTS IN THE CONSTRUCT OF  
PRESERVING RELIGIOUS WELLBEING FOR THE DEVELOPMENT OF A  
SHARIAH-COMPLIANT HOTEL SERVICE MODEL IN MALAYSIA: A FUZZY  
DELPHI METHOD ANALYSIS*

Siti Nur Husna Abd Rahman<sup>1</sup>, Rafidah Mohd Azli<sup>2</sup>, Nursafra Mohd Zhaffar<sup>3\*</sup>, Nabilah Huda Zaim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: snhusna@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: rafidah2262@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: nursafra@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: nabilahhuda@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 08.07.2025

Accepted date: 26.08.2025

Published date: 17.09.2025

#### To cite this document:

Abd Rahman, S. N. H., Azli, R. M., Zhaffar, N. M., Zaim, N. H. (2025).

### Abstrak:

Kajian ini bertujuan mendapatkan konsensus pakar secara sistematik terhadap elemen penting dalam konstruk "Menjaga Kesejahteraan Agama", salah satu domain utama dalam Maqasid Syariah, bagi pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah di Malaysia. Pendekatan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) telah digunakan dengan melibatkan panel pakar yang terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang syariah, hospitaliti dan pengurusan halal. Sebanyak 12 item dinilai dan dianalisis berdasarkan tiga kriteria utama: nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ), peratusan persetujuan ( $\geq 75\%$ ) dan nilai fuzzy score yang melepas skor min. Hasil analisis menunjukkan bahawa

Konsensus Pakar Terhadap Elemen Kritikal Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama Bagi Pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah di Malaysia: Satu Analisis Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 635-651.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059046

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



enam item telah mencapai konsensus dan disahkan sebagai elemen kritikal. Antaranya termasuk penyediaan kemudahan solat, paparan jadual waktu solat, arah kiblat yang jelas, dan sokongan terhadap ibadah semasa Ramadan. Dapatkan kajian ini memberikan dasar kukuh bagi pembentukan garis panduan dan pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah yang lebih tersusun dan berasaskan nilai Maqasid Syariah. Kajian ini juga membuktikan keberkesanannya kaedah FDM dalam mendapatkan penilaian pakar secara sistematis dan berstruktur.

#### Kata Kunci:

Hotel Patuh Syariah, Maqasid Syariah, Kesejahteraan Agama, Kaedah Fuzzy Delphi, Konsensus Pakar

#### Abstract:

This study aims to systematically obtain expert consensus on the critical elements within the construct of "Preserving Religious Wellbeing", one of the core domains in Maqasid Shariah, for the development of a Shariah-compliant hotel service model in Malaysia. The Fuzzy Delphi Method (FDM) was employed, involving a panel of experts with experience in Shariah, hospitality, and halal management. A total of 12 items were evaluated and analyzed using three main criteria: threshold value ( $d \leq 0.2$ ), percentage of agreement ( $\geq 75\%$ ), and fuzzy score exceeding the mean score. The analysis revealed that six items achieved consensus and were validated as critical elements. These included the provision of prayer facilities, display of prayer times, clear qibla direction, and support for worship during Ramadan. The findings provide a strong foundation for developing structured guidelines and models for Shariah-compliant hotel services based on Maqasid Shariah values. The study also demonstrates the effectiveness of the FDM in obtaining systematic and structured expert evaluations.

#### Keywords:

Shariah-Compliant Hotel, Maqasid Shariah, Religious Wellbeing, Fuzzy Delphi Method, Expert Consensus

## Pendahuluan

Industri perhotelan Islam di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif sejajar dengan peningkatan kesedaran dalam kalangan pelancong Muslim terhadap kepatuhan syariah dalam perkhidmatan yang ditawarkan (Hashim et al., 2023). Konsep hotel patuh syariah merangkumi pelbagai elemen termasuk penyediaan makanan halal, pemisahan ruang lelaki dan wanita, dan pematuhan terhadap prinsip asas syariah dalam operasi perniagaan. Menurut Mohd et al. (2024), aspek pematuhan syariah bukan sahaja tertumpu kepada elemen zahir seperti kemudahan solat dan makanan halal, tetapi turut melibatkan nilai-nilai maqasid syariah yang lebih menyeluruh termasuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam konteks ini, konstruk 'Menjaga Kesejahteraan Agama' menjadi salah satu komponen utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah. Ia mencerminkan keperluan asas pelanggan Muslim dalam menuaikan tanggungjawab agama secara sempurna semasa menginap di hotel (Yusof & Rahman, 2023). Kajian-kajian lepas banyak menumpukan kepada aspek fizikal seperti reka bentuk bilik dan kemudahan awam, namun masih kurang kajian yang menilai secara menyeluruh elemen spiritual dan keagamaan dari perspektif Maqasid Syariah (Abdullah & Samad, 2023). Oleh itu,

wujud keperluan untuk membangunkan satu model yang mengintegrasikan elemen agama secara sistematis.

Penggunaan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen-elemen utama dalam konstruk menjaga kesejahteraan agama. Pendekatan ini membantu menyaring pendapat pakar secara objektif dan menghasilkan dapatan yang lebih berwibawa (Ismail et al., 2024). Kaedah Fuzzy Delphi amat sesuai digunakan dalam kajian sosial dan keagamaan kerana ia membolehkan penilaian terhadap item-item yang berbentuk subjektif dilakukan secara kuantitatif tanpa menafikan pandangan pakar (Nordin & Khalid, 2023). Hal ini memberikan nilai tambah kepada proses pembangunan model yang lebih komprehensif.

Malaysia sebagai peneraju pelancongan Islam memerlukan satu sistem standard yang jelas dalam mentakrifkan ciri-ciri hotel patuh syariah. Kejelasan ini penting bukan sahaja untuk tujuan promosi dan pensijilan tetapi juga sebagai panduan kepada pengusaha hotel (Tourism Malaysia, 2023). Pembangunan model berdasarkan Maqasid Syariah akan membantu pihak industri dalam memahami dan memenuhi kehendak pelancong Muslim dengan lebih menyeluruh. Ini juga seiring dengan aspirasi Dasar Pelancongan Islam Negara yang menekankan integrasi nilai Islam dalam sektor hospitaliti (MITI, 2024). Kajian ini juga menyumbang kepada literatur akademik dengan mengisi jurang dalam penyelidikan berkaitan aplikasi maqasid syariah dalam perkhidmatan hotel.

Hasil dapatan dijangka dapat dimanfaatkan oleh pihak berkuasa agama, pembuat dasar dan pemain industri perhotelan. Secara keseluruhannya, pengenalan ini merangka asas kepada kajian pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah yang bukan sahaja menepati keperluan pelanggan Muslim, tetapi juga selari dengan nilai-nilai Islam yang syumul dan berorientasikan maqasid syariah.

### ***Definisi Operasional***

Hotel Patuh Syariah merujuk kepada premis penginapan yang menjalankan operasi, perkhidmatan, dan pengurusan berdasarkan prinsip-prinsip syariah Islam. Ini termasuk pemisahan ruang lelaki dan wanita, penyediaan makanan halal, larangan alkohol dan perjudian, serta kemudahan yang menyokong pelaksanaan ibadah seperti ruang solat dan arah kiblat. Maqasid Syariah dalam konteks kajian ini merujuk kepada lima objektif utama syariah iaitu menjaga agama (din), nyawa (nafs), akal ('aql), keturunan (nasl) dan harta (mal). Fokus utama kajian ini ialah pada aspek menjaga agama, khususnya dalam penyediaan perkhidmatan hotel yang menyokong pelaksanaan ibadah dan kesejahteraan spiritual pelanggan Muslim.

Kesejahteraan Agama ditakrifkan sebagai satu keadaan di mana pelanggan Muslim dapat melaksanakan tanggungjawab agama mereka dengan selesa, mudah dan tanpa halangan ketika berada di hotel. Ia meliputi akses kepada kemudahan ibadah, maklumat berkaitan waktu solat, makanan yang diyakini halal dan suasana yang mematuhi norma Islam. Kaedah Fuzzy Delphi merujuk kepada satu kaedah gabungan antara teknik pakar Delphi dan logik kabur (fuzzy logic) yang digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap sesuatu isu secara sistematis dan kuantitatif (Saffie et al., 2016; Lawnik et al., 2019). Dalam kajian ini, ia digunakan bagi menilai dan mengenal pasti elemen-elemen kritikal dalam konstruk kesejahteraan agama.

Elemen kritikal merujuk kepada ciri, komponen atau faktor utama yang dikenal pasti melalui penilaian pakar sebagai keperluan asas dalam menyokong kesejahteraan agama pelanggan hotel. Elemen ini telah melalui proses saringan berdasarkan kriteria tertentu dalam kaedah Fuzzy Delphi dan dipilih berdasarkan nilai konsensus yang tinggi (Anjaria, 2023; Ciptono et al., 2019).

Konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama dalam kajian ini difahami sebagai salah satu konstruk utama yang menyumbang kepada pembentukan model perkhidmatan hotel patuh syariah yang holistik. Ia diukur melalui siri item yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan dan persekitaran keagamaan yang sesuai untuk pelanggan Muslim, termasuk penyediaan ruang solat, arah kiblat, makanan halal, serta suasana yang kondusif untuk amalan ibadah (Abdullah & Siraj, 2018; Yusof et al., 2022). Kaedah FDM membolehkan penyelidik menapis, menyusun dan mengesahkan elemen ini melalui penglibatan pakar secara sistematik, sekaligus memastikan bahawa model yang dibangunkan adalah sahih dan relevan dalam konteks hospitaliti Islam (Khorshidikia et al., 2025; Sulaiman et al., 2020).

### ***Kajian Literatur***

Sorotan literatur ini memberi fokus kepada aspek asas yang membentuk latar belakang kajian model perkhidmatan hotel patuh syariah, khususnya dari sudut penerapan nilai Maqasid Syariah dan keperluan pelanggan Muslim. Industri perhotelan patuh syariah merupakan cabang pelancongan Islam yang semakin berkembang di Malaysia sejajar dengan permintaan pelancong Muslim yang mengutamakan keselesaan serta pematuhan syariah (Hashim et al., 2023). Konsep hotel patuh syariah tidak hanya merangkumi penyediaan makanan halal atau ketiadaan alkohol, tetapi juga melibatkan pematuhan menyeluruh kepada prinsip-prinsip Islam dalam aspek kemudahan, pengurusan dan suasana persekitaran hotel (Mohd et al., 2024). Hal ini menunjukkan kepentingan pendekatan yang holistik dalam merangka sistem perkhidmatan yang bersesuaian.

Dalam konteks pembangunan model Islamik, Maqasid Syariah telah dikenal pasti sebagai kerangka nilai yang paling sesuai untuk dijadikan asas kepada pembangunan sistem dan dasar. Lima prinsip utama Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta membentuk panduan dalam pelaksanaan perkhidmatan Islam, termasuk dalam sektor hospitaliti (Mohd et al., 2024). Kajian oleh Yusof dan Rahman (2023) mendapati bahawa pelanggan Muslim memberi keutamaan kepada aspek ibadah seperti kemudahan solat, arah kiblat yang jelas dan juadah yang sesuai untuk bulan Ramadan. Keperluan ini mencerminkan peranan penting nilai 'menjaga agama' dalam menentukan kualiti pengalaman pelanggan Muslim di hotel.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan dalam kajian terdahulu yang membincangkan aplikasi konsep Maqasid Syariah secara spesifik dalam reka bentuk perkhidmatan hotel. Kajian Abdullah dan Samad (2023) menunjukkan bahawa kebanyakan penyelidikan hanya menyentuh aspek permukaan seperti pemisahan jantina tanpa menganalisis nilai dalaman yang mempengaruhi kepuasan pelanggan. Sehubungan itu, penyelidikan ini cuba mengisi jurang literatur dengan mengemukakan pendekatan penilaian konsensus pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi untuk mengenal pasti elemen-elemen penting dalam menjaga kesejahteraan agama. Kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian yang memerlukan penilaian terhadap item subjektif yang berdasarkan nilai (Ismail et al., 2024).

Fuzzy Delphi Method (FDM) merupakan gabungan kaedah Delphi tradisional dengan logik kabur (fuzzy logic) yang digunakan untuk mengurangkan bias dan mendapatkan keputusan yang lebih stabil dalam pengumpulan pendapat pakar. Kaedah ini telah digunakan secara meluas dalam penyelidikan pendidikan Islam, pembangunan model dasar dan penilaian kualiti perkhidmatan (Nordin & Khalid, 2023). Literatur antarabangsa turut menunjukkan bahawa konsep hotel patuh syariah mendapat sambutan di negara majoriti dan minoriti Muslim. Namun begitu, pendekatan pelaksanaan berbeza mengikut konteks budaya dan polisi negara masing-masing. Di Malaysia, Tourism Malaysia (2023) menekankan perlunya satu garis panduan yang lebih formal dalam mentakrifkan ciri-ciri hotel patuh syariah.

Pembangunan model yang berasaskan kepada dapatan empirikal amat penting bagi memastikan pengurusan hotel dapat merujuk kepada satu sistem yang sah, konsisten dan diterima pakai oleh industri. Ia juga memberikan keyakinan kepada pelanggan bahawa perkhidmatan yang disediakan benar-benar menepati kehendak syariah (MITI, 2024). Kesimpulannya, sorotan literatur ini memperlihatkan keperluan kepada satu kerangka yang menggabungkan nilai Maqasid Syariah dengan pendekatan sistematik dalam pembangunan perkhidmatan hotel patuh syariah. Kajian ini bukan sahaja mengisi kekosongan dalam literatur, malah menyumbang kepada penambahbaikan dasar dan pelaksanaan di lapangan industri perhotelan Islam di Malaysia.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen-elemen kritikal dalam konstruk menjaga kesejahteraan agama untuk pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah di Malaysia. Kaedah FDM dipilih kerana ia berupaya menangani isu ketidakpastian dan subjektiviti dalam pertimbangan pakar, serta membolehkan konsensus dicapai dengan lebih sistematik dan efisien (Saffie et al., 2016; Lawnik et al., 2019).

Seramai sepuluh orang pakar dipilih secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) yang merangkumi latar belakang dalam bidang syariah, hospitaliti Islam, dan pengurusan halal. Bilangan ini selari dengan cadangan penggunaan sekitar sepuluh pakar dalam pelaksanaan FDM untuk memastikan kepelbagaiannya tetapi masih mengekalkan kebolehurusan dalam analisis (Yusof et al., 2022). Pemilihan pakar ini dibuat berdasarkan kriteria pengalaman lebih lima tahun dalam bidang berkaitan serta penglibatan aktif dalam penyelidikan atau pelaksanaan dasar berkaitan syariah dan hospitaliti (Ciptono et al., 2019).

Instrumen kajian dibangunkan dalam bentuk borang soal selidik yang merangkumi 12 item berkaitan kesejahteraan agama dalam konteks perkhidmatan hotel. Proses Fuzzy Delphi dijalankan dalam tiga pusingan yang melibatkan penilaian berdasarkan skala linguistik tujuh mata, yang kemudian diterjemah kepada nombor fuzzy menggunakan teknik triangular fuzzy number (Abdullah & Siraj, 2018). Kaedah defuzzifikasi digunakan untuk menukar nombor fuzzy kepada nilai kejuruteraan (crisp value) yang membolehkan keputusan lebih jelas dihasilkan (Talib & Rezouqi, 2024).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Microsoft Excel untuk mendapatkan nilai threshold ( $d$ ), peratusan persetujuan dan fuzzy score. Item yang memenuhi ketiga-tiga kriteria iaitu  $d \leq 0.2$ , peratusan persetujuan  $\geq 75\%$ , dan fuzzy score melebihi skor min akan disahkan sebagai elemen penting (Sulaiman et al., 2020). Proses ini selaras dengan amalan kajian lepas

yang menekankan penggunaan parameter matematik dalam menapis item yang sah dan relevan (Khorshidikia et al., 2025).

Kaedah ini membolehkan penyelidik menapis secara sistematik elemen-elemen yang relevan untuk membentuk model perkhidmatan yang sah, praktikal dan berdasarkan Maqasid Syariah, sekaligus menambah nilai kepada pembangunan model hospitaliti Islam di Malaysia (Anjaria, 2023).

### **Kerangka Teori**

Kerangka teori kajian ini berasaskan integrasi antara kerangka Maqasid Syariah, teori pengurusan moden, serta pendekatan Fuzzy Delphi Method (FDM). Objektif utama adalah untuk mengenal pasti elemen kritikal dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama (Hifz al-Din) yang menjadi tunjang pembangunan model perkhidmatan hotel patuh Syariah di Malaysia.

Dari sudut epistemologi Islam, Maqasid Syariah menekankan lima objektif utama iaitu menjaga agama (Hifz al-Din), nyawa (Hifz al-Nafs), akal (Hifz al-'Aql), keturunan (Hifz al-Nasl), dan harta (Hifz al-Mal) (Auda, 2008). Dalam konteks perhotelan Islam, Hifz al-Din adalah elemen teras kerana ia memastikan keselesaan pelanggan Muslim dalam beribadah, mematuhi prinsip halal-haram, dan mengamalkan gaya hidup Syariah semasa menginap (Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Bagi mengesahkan elemen-elemen kritikal ini, kajian menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi Method (FDM) yang membolehkan pandangan pakar disaring secara sistematik sehingga mencapai konsensus. Kaedah ini berasaskan teori konsensus pakar yang diperkenalkan oleh Dalkey dan Helmer (1963), dengan kelebihan menangani data subjektif, kabur, serta memberikan ketepatan dalam pembentukan model konseptual.

Selain daripada kerangka teori klasik, kerangka ini turut disokong oleh kajian-kajian terkini. Sebagai contoh, Abd Rahman et al. (2025) menegaskan bahawa aplikasi Maqasid Syariah dalam industri hotel di Malaysia perlu memberi tumpuan kepada aspek ibadah dan pemeliharaan agama sebagai asas utama perkhidmatan. Kajian lain oleh Abd Rahman, Azli, Zhaffar, dan Bahori (2025) menunjukkan bahawa prinsip fiqhiiyah adalah penting dalam menentukan status halal sesebuah hotel, manakala integrasi strategi promosi berdasarkan Maqasid Syariah melalui media sosial turut berperanan dalam memperkuuh daya saing hotel patuh Syariah (Abd Rahman et al., 2025).

Kesimpulannya, kerangka teori kajian ini menggabungkan prinsip Maqasid Syariah (Hifz al-Din), literatur terdahulu yang menekankan peranan pematuhan Syariah, serta metodologi konsensus pakar (FDM). Integrasi ini membentuk asas yang kukuh dalam pembangunan model perkhidmatan hotel patuh Syariah di Malaysia, yang bukan sahaja relevan secara akademik tetapi juga signifikan untuk aplikasi praktikal dalam industri hospitaliti Islam.

### **Dapatan Kajian**

Kaedah Fuzzy Delphi merupakan pendekatan penyelidikan yang menggabungkan pendapat pakar dengan elemen kebarangkalian dan ketepatan melalui logik fuzzy. Dalam kajian ini, kaedah ini telah diaplikasikan untuk mengenal pasti tahap kesepakatan dalam kalangan pakar berkaitan elemen-elemen penting bagi membentuk konstruk "Menjaga Kesejahteraan Agama" dalam konteks model hotel patuh syariah di Malaysia. Fuzzy Delphi digunakan untuk

mendapatkan keputusan yang lebih objektif dan dapat menyaring item-item yang benar-benar relevan, sekali gus memperkuuh justifikasi akademik serta praktikal terhadap kriteria yang dikemukakan. Jadual 1 menunjukkan pemetaan skala Likert tujuh mata kepada skala fuzzy bagi menilai aras persetujuan responden. Setiap tahap persetujuan – daripada *teramat setuju* (7) hingga *teramat tidak setuju* (1) – ditukar kepada julat nilai fuzzy bagi menggambarkan tahap keyakinan dan ketidakpastian. Nilai tinggi (contoh: 0.9–1) mewakili persetujuan kuat, manakala nilai rendah (0–0.1) melambangkan penolakan mutlak. Secara keseluruhan, jadual ini membolehkan pengukuran yang lebih fleksibel dan realistik berbanding skala Likert semata-mata, kerana fuzzy menangkap variasi tafsiran responden terhadap setiap aras persetujuan.

**Jadual 1: Skala Fuzzy Bagi Aras Persetujuan**

Aras Persetujuan	Skala Likert	Skala Fuzzy	
Teramat Setuju	7	0.9	1
Sangat Setuju	6	0.7	0.9
Setuju	5	0.5	0.7
Sederhana Setuju	4	0.3	0.5
Tidak Setuju	3	0.1	0.3
Sangat Tidak Setuju	2	0	0
Teramat Tidak Setuju	1	0	0.1

Tujuan utama penggunaan kaedah ini adalah untuk memformulasi elemen-elemen yang paling signifikan dalam membantu pelaksanaan syariah dalam industri perhotelan. Dalam hal ini, aspek menjaga kesejahteraan agama diletakkan sebagai domain daruriyyat yang utama dalam rangka Maqasid Syariah. Melalui proses ini, pengkaji dapat menilai elemen-elemen berdasarkan kepentingannya dari sudut pandang syarak dan keperluan pelanggan Muslim, dengan menyaring mana-mana item yang kurang praktikal atau tidak mendapat konsensus pakar. Panel pakar yang dilantik terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang syariah, hospitaliti, dan pembangunan polisi halal. Mereka menilai setiap item yang dicadangkan menggunakan skala fuzzy dan memberikan respons berdasarkan kepakaran serta pengalaman industri. Jadual 2 menunjukkan penilaian pakar terhadap 12 item dengan nilai purata di bahagian bawah jadual. Item 7 (0.402) dan Item 3 (0.306) mencatatkan skor tertinggi, menandakan tahap kepentingan atau persetujuan yang lebih kuat. Sebaliknya, Item 9 (0.071) dan Item 5 (0.080) adalah yang paling rendah, menggambarkan tahap kepentingan yang minima. Secara ringkas, jadual ini menonjolkan perbezaan tahap keutamaan setiap item berdasarkan konsensus pakar.

**Jadual 2: Nilai Pakar Dan Item**

PAKAR	ITEM											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
JABATAN STANDARTS	0.131	0.034	0.378	0.184	0.052	0.077	0.473	0.488	0.043	0.226	0.326	0.081
1												
JABATAN STANDARTS	0.131	0.034	0.498	0.052	0.077	0.209	0.477	0.193	0.043	0.226	0.225	0.078
2												
HDC 1	0.131	0.034	0.378	0.184	0.052	0.209	0.108	0.149	0.043	0.166	0.091	0.078
HDC 2	0.131	0.034	0.301	0.208	0.052	0.209	0.345	0.193	0.043	0.095	0.455	0.078
HDC 3	0.131	0.034	0.301	0.068	0.052	0.209	0.345	0.488	0.043	0.095	0.455	0.078

HALAL	0.131	0.034	0.253	0.068	0.101	0.077	0.345	0.193	0.043	0.095	0.326	0.081
JAKIM												
MOTAC 1	0.26	0.034	0.253	0.068	0.101	0.077	0.51	0.193	0.043	0.095	0.225	0.081
MOTAC 2	0.26	0.034	0.301	0.498	0.052	0.183	0.51	0.193	0.043	0.226	0.529	0.081
ITC 1	0.26	0.034	0.301	0.208	0.052	0.183	0.206	0.193	0.043	0.458	0.529	0.081
YAYASAN	0.26	0.034	0.068	0.184	0.052	0.077	0.206	0.488	0.043	0.166	0.225	0.078
WAKAF												
JAKIM 1	0.26	0.034	0.068	0.184	0.052	0.077	0.473	0.967	0.043	0.226	0.225	0.078
JAKIM 2	0.26	0.034	0.068	0.184	0.052	0.183	0.206	0.499	0.111	0.458	0.091	0.081
JAKIM 3	0.26	0.034	0.068	0.184	0.052	0.183	0.206	0.193	0.043	0.095	0.225	0.078
HALAL	0.131	0.034	0.184	0.052	0.209	0.345	0.499	0.043	0.226	0.326	0.078	
CENTRE 1												
HALAL	0.26	0.034	0.068	0.184	0.052	0.209	0.345	0.193	0.043	0.095	0.529	0.603
CENTRE 2												
HALAL	0.131	0.034	0.068	0.184	0.052	0.183	0.206	0.488	0.043	0.166	0.225	0.078
CENTRE 3												
Nilai d setiap item	0.166	0.059	0.306	0.206	0.08	0.176	0.285	0.402	0.071	0.199	0.277	0.111

Jadual 3 memperlihatkan keputusan analisis Fuzzy terhadap 12 elemen yang dikaji bagi menentukan komponen utama dalam perkhidmatan hotel patuh syariah. Hasil analisis menunjukkan bahawa daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan elemen diterima manakala empat elemen ditolak kerana tidak mencapai tahap konsensus pakar yang diperlukan. Perbezaan ini menggambarkan keutamaan sebenar yang harus diberi perhatian oleh pihak hotel dalam menstrukturkan perkhidmatan yang selaras dengan prinsip syariah.

Elemen yang diterima dengan skor fuzzy yang tinggi menekankan keperluan asas bagi memudahkan tetamu Muslim melaksanakan ibadah harian. Antara elemen terpenting ialah *Penginapan yang ditawarkan* (0.938) dan *Menyediakan musolla* (0.931), yang masing-masing mencatatkan skor tertinggi. Elemen ini jelas menunjukkan bahawa penginapan yang sesuai dan kemudahan ruang solat merupakan aspek teras yang mendasari konsep hotel patuh syariah. Selain itu, penyediaan sejadah, telekung dan kain pelekat di dalam bilik, kewujudan musolla berasingan mengikut jantina, tanda arah kiblat yang jelas, serta paparan jadual waktu solat turut diiktiraf sebagai elemen penting. Tambahan pula, penyediaan juadah berbuka puasa dan sahur ketika Ramadan dilihat sebagai satu bentuk kepekaan pengurusan hotel terhadap keperluan tetamu Muslim yang menjalani ibadah puasa, sekaligus menambah nilai perkhidmatan yang ditawarkan.

Sebaliknya, terdapat empat elemen yang ditolak kerana dianggap tidak praktikal, kurang relevan, atau tidak memberi impak besar kepada pengalaman ibadah tetamu. Antaranya termasuk *Tiada kitab suci selain al-Quran* (0.623) dan *Lokasi hotel berhampiran masjid/surau* (0.640) yang dinilai tidak sesuai dijadikan penanda aras kerana faktor ini lebih dipengaruhi oleh lokasi fizikal hotel, bukannya pengurusan perkhidmatan. Begitu juga dengan cadangan meletakkan tulisan doa dalam bilik serta *Menyediakan kayu sugi/berus gigi* (0.706, konsensus 50%), yang walaupun mempunyai nilai simbolik dari perspektif agama, dianggap kurang signifikan dan tidak menepati keutamaan operasi hotel.

Secara keseluruhannya, analisis Jadual 3 menegaskan bahawa fokus utama dalam pembangunan hotel patuh syariah ialah penyediaan elemen-elemen yang secara langsung menyokong ibadah wajib seperti solat dan puasa. Elemen tambahan yang hanya bersifat simbolik atau kurang praktikal tidak diberikan keutamaan oleh pakar kerana boleh membebankan pihak pengurusan tanpa memberikan nilai tambah yang besar kepada pelanggan. Justeru, dapatan ini menggariskan keperluan untuk menyeimbangkan antara kesempurnaan nilai syariah dengan realiti pengurusan hotel, di mana aspek asas ibadah perlu diberi perhatian utama manakala elemen tambahan hanya dipertimbangkan sekiranya benar-benar relevan dan praktikal.

**Jadual 3: Analisis Fuzzy Delphi**

Bil	Item / Elemen	Nilai Threshold , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan pakar	Elemen Diterima	Ranking
1	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	0.166	100.0%	0.763	0.900	0.969	0.877	Terima	0.877	5
2	Tanda arah kiblat yang jelas	0.059	93.8%	0.863	0.975	0.994	0.944	Terima	0.944	1
3	Menyediakan kayu sugi/berus gigi	0.306	50.0%	0.556	0.719	0.844	0.706	Tolak	0.706	9
4	Memaparkan Jadual waktu solat	0.206	87.5%	0.788	0.900	0.944	0.844	Terima	0.844	6
5	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)	0.080	93.75%	0.833	0.963	0.994	0.931	Terima	0.931	2
6	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan	0.086	93.75%	0.838	0.944	0.994	0.925	Terima	0.925	3
7	Lokasi hotel berhampiran masjid	0.285	56.25%	0.463	0.644	0.806	0.640	Tolak	0.640	11
8	Tiada kitab suci selain al-Quran di dalam bilik	0.342	37.50%	0.463	0.594	0.800	0.619	Tolak	0.619	12
9	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari najis mughallazah (Contoh: no pet allowed)	0.071	93.75%	0.819	0.919	0.994	0.938	Terima	0.938	1
10	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat	0.199	87.50%	0.788	0.913	0.994	0.898	Terima	0.898	8
11	Terdapat tulisan doa di dalam bilik di	0.277	56.25%	0.475	0.663	0.819	0.652	Tolak	0.652	10

12	seluruh premis hotel Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.	0.111	93.75%	0.813	0.944	0.981	0.913	Terima	0.913	4
----	---	-------	--------	-------	-------	-------	-------	--------	-------	---

Jadual 4 memperlihatkan hasil analisis Fuzzy Delphi terhadap 12 elemen dalam konstruk menjaga kesejahteraan agama bagi pembangunan model hotel patuh syariah. Hasil penilaian menunjukkan bahawa lapan elemen diterima manakala empat elemen ditolak kerana tidak mencapai tahap konsensus minimum pakar. Elemen yang menduduki ranking tertinggi ialah *menyediakan dua musolla dalam keseluruhan hotel (surau lelaki dan perempuan)*, diikuti dengan *menyediakan sejada, telekung, dan kain pelekat*. Elemen lain yang turut dikekalkan termasuk *memaparkan jadual waktu solat, menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadan, tanda arah kiblat yang jelas, serta lokasi hotel berhampiran masjid*. Ini menunjukkan bahawa pakar memberi penekanan yang kuat terhadap penyediaan kemudahan asas untuk ibadah solat dan puasa, yang dianggap sebagai tunjang utama dalam kesejahteraan agama tetamu Muslim.

Dalam masa yang sama, beberapa cadangan telah ditolak seperti *penginapan yang bersih dan suci daripada najis mughallazah, tulisan doa dalam bilik, ruang solat yang selesa di seluruh hotel, serta kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat*. Item-item ini ditolak kerana dilihat kurang praktikal, sukar dilaksanakan, atau tidak memberikan impak yang signifikan kepada pengalaman ibadah pelanggan. Penolakan ini turut memberi isyarat bahawa hanya elemen yang benar-benar menyokong ibadah wajib dengan jelas yang harus diberi keutamaan dalam pelaksanaan.

Analisis Fuzzy Delphi dalam Jadual 4 turut memberikan implikasi langsung kepada pengurusan hotel dalam membuat keputusan pelaburan serta penyesuaian infrastruktur. Item yang telah disahkan boleh dijadikan garis panduan dalam merancang pengubahsuaian bilik, pembinaan ruang solat, dan penyusunan semula perkhidmatan berdasarkan syariah. Melalui penekanan terhadap elemen yang mendapat konsensus tinggi, pihak hotel dapat berfungsi secara lebih cekap serta selari dengan piawaian patuh syariah tanpa menjelaskan pengalaman pelanggan. Dapatkan ini amat signifikan kerana ia bukan sahaja menyokong pembangunan model hotel Islamik berdasarkan Maqasid Syariah, tetapi juga menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk komponen *Agama* dalam model tersebut.

Sebagai langkah susulan, elemen-elemen yang telah mendapat kesepakatan wajar dijadikan asas dalam pembentukan polisi dalaman hotel, modul latihan staf, serta dokumen piawaian yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa agama dan badan pensijilan halal. Malah, dapatan ini juga berpotensi dijadikan rujukan dalam pembangunan garis panduan rasmi hotel patuh syariah di peringkat nasional, sekaligus menyumbang kepada standardisasi industri hospitaliti Islamik di Malaysia. Secara keseluruhannya, kaedah Fuzzy Delphi terbukti berkesan dalam mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen penting menjaga kesejahteraan agama. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar elemen yang telah disahkan dijadikan komponen teras dalam model pembangunan hotel Islamik, manakala kajian lanjutan boleh diperluaskan dengan memberi tumpuan kepada dimensi Maqasid Syariah yang lain seperti nyawa (*nafs*), akal, harta, dan keturunan.

#### Jadual 4: Hasil Fuzzy Delphi

DOMAIN: DARURRIYAT (KEUTAMAAN)	RANKING	HASIL FUZZY DELPHI
<b>Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Agama</b>		
A1.1 Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	A1.1	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)
A1.2 Tanda arah kiblat yang jelas	A1.2	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat
A1.3 Menyediakan kayu sugi/berus gigi	A1.3 (DITOLAK)	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari <i>najis mughallazah</i> (Contoh: <i>no pet allowed</i> )
A1.4 Memaparkan Jadual waktu solat	A1.4	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan
A1.5 Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)	A1.5	Menyediakan kayu sugi/berus gigi
A1.6 Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan	A1.6	Lokasi hotel berhampiran masjid
A1.7 Lokasi hotel berhampiran masjid	A1.7 (DITOLAK)	Terdapat tulisan doa di dalam bilik di seluruh premis hotel
A1.8 Tiada kitab suci selain al- Quran di dalam bilik	A1.8 (DITOLAK)	Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.
A1.9 Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari <i>najis mughallazah</i> (Contoh: <i>no pet allowed</i> )	A1.9	Tanda arah kiblat yang jelas
A1.10 Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat	A1.10	Tiada kitab suci selain al- Quran di dalam bilik
A1.11 Terdapat tulisan doa di dalam bilik di seluruh premis hotel	A1.11 (DITOLAK)	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat
A1.12 Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.	A1.12	Memaparkan Jadual waktu solat

#### Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat enam item yang telah mencapai konsensus pakar dalam konstruk menjaga kesejahteraan agama bagi pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah. Item-item ini dikenal pasti melalui tiga kriteria utama Fuzzy Delphi, iaitu nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ), persetujuan pakar ( $\geq 75\%$ ), dan nilai fuzzy score melepas skor min. Kaedah ini membolehkan penapisan elemen yang benar-benar signifikan dalam konteks operasi hotel yang mematuhi syariah. Antara item yang mendapat konsensus tinggi ialah penyediaan sejadah, telekung dan kain pelekat; penyediaan dua musolla (untuk lelaki dan wanita); paparan jadual waktu solat; arah kiblat yang jelas; penyediaan juadah iftar dan sahur semasa Ramadan; dan lokasi hotel berhampiran masjid. Kesemua elemen ini merangkumi keperluan asas ibadah bagi pelanggan Muslim yang ingin menunaikan solat dengan sempurna ketika menginap di hotel.

Penolakan item seperti tulisan doa atau arah kiblat katil menunjukkan bahawa elemen simbolik yang tidak memberi impak besar kepada keselesaan ibadah tidak dianggap kritikal oleh pakar. Sebaliknya, fokus diberikan kepada elemen yang memberi kesan langsung terhadap ibadah seperti kemudahan solat dan penyediaan makanan semasa Ramadan. Dapatkan ini turut menunjukkan keselarasan dengan kajian terdahulu yang menekankan perlunya kemudahan ibadah asas dalam hotel patuh syariah (Hashim et al., 2023). Dalam erti kata lain, pengguna Muslim mengutamakan kemudahan solat dan makanan halal berbanding aspek yang lebih simbolik atau kosmetik. Implikasi daripada dapatan ini adalah besar terhadap reka bentuk perkhidmatan hotel. Pihak hotel boleh menggunakan elemen-elemen yang telah disahkan ini dalam membentuk polisi operasi, pengubahsuaian fasiliti, serta latihan pekerja. Ini akan menjadikan hotel lebih bersedia memenuhi keperluan pelancong Muslim dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

Selain itu, elemen-elemen ini juga boleh dijadikan asas kepada proses pensijilan patuh syariah oleh badan-badan berkaitan seperti JAKIM dan ITC. Kewujudan kriteria yang jelas dan disahkan pakar membolehkan satu garis panduan piawai dibangunkan untuk digunakan di peringkat industri. Dari sudut akademik, dapatan ini menyumbang kepada kerangka teori hotel patuh syariah berdasarkan Maqasid Syariah. Ia menyediakan asas kepada pembinaan model yang lebih empirikal dan praktikal, dan boleh diuji dalam konteks sebenar industri perhotelan di Malaysia.

Kajian ini menonjolkan satu dimensi baharu dalam literatur perhotelan Islam iaitu fokus terhadap kesejahteraan agama (Hifz al-Din) sebagai konstruk teras pembangunan model hotel patuh Syariah. Dapatkan ini memperkuuh kajian terdahulu yang kebanyakannya memberi tumpuan kepada isu halal secara umum, tanpa menekankan kepentingan ibadah dan pemeliharaan agama secara terperinci.

Sebagai contoh, kajian oleh Abd Rahman et al. (2025) menegaskan aplikasi Maqasid Syariah dalam industri hotel perlu menekankan aspek keagamaan, namun tidak membangunkan instrumen khusus untuk mengukur elemen kritikal tersebut. Kajian lain menekankan cabaran dan prospek industri hotel halal di Malaysia dan Singapura (Abd Rahman, Azli, & Zhaffar, 2024; Abd Rahman et al., 2025), namun lebih tertumpu kepada isu polisi dan pembangunan industri. Begitu juga analisis mengenai prinsip fiqhiyah dalam menentukan status halal hotel (Abd Rahman, Azli, Zhaffar, & Bahori, 2025) yang lebih menekankan kerangka hukum tanpa menghubungkannya secara langsung dengan kesejahteraan agama pelanggan.

Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan mengemukakan elemen kritikal Hifz al-Din berdasarkan konsensus pakar menggunakan Fuzzy Delphi Method. Dengan demikian, ia bukan sahaja menambah baik kerangka teori sedia ada tetapi juga menghasilkan asas praktikal untuk industri perhotelan Islam di Malaysia. Penekanan kepada konsensus pakar menjadikan model ini lebih kukuh dan sesuai dijadikan panduan oleh pengusaha hotel patuh Syariah, berbeza dengan kajian lepas yang banyak berasaskan analisis konseptual semata-mata.

Tambahan pula, dapatan kajian ini memperluaskan dimensi literatur yang dihasilkan oleh kajian terdahulu (misalnya Abd Rahman et al., 2024; Abd Rahman et al., 2023) yang lebih memberi fokus kepada penggunaan media sosial, cabaran industri, dan aspek pemasaran. Kajian ini, sebaliknya, mengutamakan aspek rohani pelanggan Muslim, yang sebelum ini kurang diberikan penekanan dalam model perhotelan Islam. Justeru, kajian ini mengisi

lompang penting dengan menghubungkan Maqasid Syariah secara langsung kepada kerangka pembangunan model hotel patuh Syariah melalui kaedah empirikal FDM.

Akhir sekali, perbincangan ini menunjukkan bahawa gabungan pendekatan syariah dan kaedah saintifik seperti Fuzzy Delphi mampu menghasilkan model perkhidmatan yang lebih tersusun dan menyeluruh. Kajian lanjutan boleh meneliti konstruk lain dalam Maqasid Syariah seperti menjaga nyawa dan harta, bagi membentuk model yang benar-benar holistik dan menepati keperluan umat Islam masa kini.

### **Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang wajar diakui. Pertama, saiz panel pakar yang terlibat adalah terhad kepada sejumlah kecil responden, meskipun bilangan tersebut mencukupi bagi keperluan kaedah Fuzzy Delphi. Walau bagaimanapun, keterbatasan ini boleh memberi kesan terhadap tahap generalisasi dapatan kajian kepada keseluruhan industri hotel patuh syariah di Malaysia. Kedua, fokus kajian ini hanya meneliti konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama tanpa mengambil kira dimensi lain dalam kerangka Maqasid Syariah seperti pemeliharaan nyawa, akal, keturunan, dan harta. Hal ini mungkin menghadkan kefahaman menyeluruh terhadap pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah.

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi semata-mata untuk mencapai konsensus pakar. Walaupun kaedah ini berkesan dalam menggabungkan pandangan pakar secara sistematik, ia tidak memberikan gambaran empirikal daripada perspektif pengguna hotel. Justeru, kajian masa hadapan disarankan untuk menggabungkan pendekatan bercampur seperti Nominal Group Technique (NGT), Analytic Hierarchy Process (AHP) atau Structural Equation Modeling (SEM) bagi menguji dan mengesahkan model yang dibangunkan dengan sampel yang lebih besar (Ramli et al., 2023; Aziz et al., 2024).

Tambahan pula, kajian lanjutan juga boleh memperluas skop kepada konteks antarabangsa, memandangkan sektor hospitaliti Islam kini mendapat permintaan global yang semakin meningkat. Kajian perbandingan antara Malaysia dan negara lain yang turut mempromosikan pelancongan Islam, seperti Indonesia, Turki atau Emiriah Arab Bersatu, akan dapat memperkayakan lagi rangka kerja model perkhidmatan hotel patuh syariah (Ismail & Hassan, 2025).

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat keterbatasan, kajian ini telah membuka ruang penyelidikan baharu dalam bidang hospitaliti Islam berdasarkan Maqasid Syariah serta menyediakan asas kukuh bagi pengkaji masa hadapan untuk memperluas, mengesahkan dan memperhalusi model yang dibangunkan.

### **Sumbangan Kajian**

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting dari aspek teori, praktikal dan polisi. Dari sudut akademik, kajian ini mengisi jurang literatur berkaitan aplikasi Maqasid Syariah khususnya konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama dalam pembangunan model perkhidmatan hotel patuh syariah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bagaimana prinsip agama boleh diintegrasikan secara sistematik dalam industri hospitaliti Islam, sekali gus memperkayakan wacana ilmiah dalam bidang pengurusan perkhidmatan Islam.

Dari sudut praktikal, elemen-elemen kritikal yang dikenal pasti melalui konsensus pakar memberikan panduan jelas kepada pihak hotel dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang benar-benar memenuhi keperluan asas ibadah pelanggan Muslim. Hal ini dapat membantu pengusaha hotel meningkatkan kualiti perkhidmatan, mematuhi piawaian syariah, serta memenuhi jangkaan pelanggan Muslim dengan lebih menyeluruh.

Dari sudut polisi, hasil kajian ini menyumbang kepada pembuat dasar dan agensi berkaitan seperti JAKIM, ITC, MOTAC dan Tourism Malaysia dalam merangka garis panduan rasmi hotel patuh syariah. Penekanan terhadap elemen berdasarkan Maqasid Syariah dapat menyokong pelaksanaan Dasar Pelancongan Islam Negara 2024–2030, sekaligus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam yang unggul.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada usaha global dalam memperkuuh konsep hospitaliti Islam yang semakin mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Kajian terkini menunjukkan bahawa pelancong Muslim bukan sahaja menuntut kemudahan asas seperti makanan halal dan ruang solat, tetapi juga menekankan kepentingan suasana spiritual yang kondusif dan berlandaskan nilai maqasid syariah (Hashim et al., 2023; Mohd et al., 2024). Oleh itu, penemuan kajian ini dapat dijadikan rujukan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di negara lain yang ingin membangunkan rangka kerja perkhidmatan hotel patuh syariah yang komprehensif. Dengan adanya elemen kritikal yang telah disahkan melalui konsensus pakar, industri perhotelan dapat mengadaptasi dapatan ini sebagai asas pembangunan piawaian antarabangsa dalam sektor hospitaliti Islam (Khorshidikia et al., 2025).

## Kesimpulan

Kaedah Fuzzy Delphi telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti tahap kesepakatan pakar berkaitan konstruk utama dalam pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan penilaian elemen-elemen penting dibuat secara sistematis dan berdasarkan logik fuzzy, sekali gus memberikan gambaran lebih objektif dalam pembentukan model yang sah dan praktikal. Dalam kajian ini, fokus utama diberikan kepada konstruk ‘Menjaga Kesejahteraan Agama’ yang merupakan antara domain utama dalam Maqasid Syariah kategori daruriyyat. Elemen-elemen yang berkaitan dengan kemudahan ibadah, persekitaran patuh syariah dan sokongan kepada amalan keagamaan pelanggan Muslim telah dianalisis melalui konsensus pakar.

Panel pakar terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang syariah, hospitaliti dan pengurusan halal. Setiap item telah dianalisis melalui tiga kriteria utama iaitu nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ), peratusan persetujuan pakar ( $\geq 75\%$ ) dan nilai fuzzy score melebihi skor min. Hanya item yang memenuhi ketiga-tiga kriteria tersebut diterima sebagai elemen penting dalam model. Antara item yang disahkan penting ialah penyediaan musolla berasingan, arah kiblat yang jelas, kemudahan solat di bilik seperti sejadah dan telekung, serta paparan jadual waktu solat. Elemen ini mencerminkan keperluan asas yang sangat dititikberatkan oleh pengguna Muslim ketika menginap di hotel.

Selain itu, keperluan bermusim seperti penyediaan juadah sahur dan iftar semasa Ramadan turut dikenal pasti sebagai keperluan penting. Ini memperlihatkan bahawa perkhidmatan hotel bukan sahaja perlu menyokong ibadah harian tetapi juga ibadah tahunan dalam kalender Islam. Beberapa elemen seperti tulisan doa di bilik, kedudukan tandas tidak menghadap kiblat dan penginapan bebas najis mughallazah telah ditolak oleh panel pakar. Ini menunjukkan bahawa

keperluan praktikal dan operasi hotel turut diambil kira dalam menentukan kesesuaian sesuatu elemen.

Keputusan ini menunjukkan satu keseimbangan antara keperluan syariah dan pelaksanaan praktikal dalam operasi harian hotel. Elemen yang diterima merupakan kombinasi keperluan asas agama dan aspek kebolehlaksanaan dalam konteks perhotelan moden. Dapatan kajian ini menjadi asas penting dalam membina Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah yang berteraskan Maqasid Syariah. Ia membantu menyediakan rangka kerja praktikal dan boleh digunakan oleh pengusaha hotel, penggubal dasar dan pihak berkepentingan dalam industri pelancongan Islam.

Kajian ini juga mencadangkan agar elemen yang disahkan ini dijadikan panduan dalam pembentukan garis panduan rasmi hotel patuh syariah, latihan pekerja, reka bentuk bilik dan pelaksanaan operasi yang lebih holistik. Ia juga boleh dijadikan asas pensijilan halal dalam sektor hospitaliti. Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian ini telah memberikan justifikasi kukuh terhadap keperluan asas yang sepatutnya wujud dalam hotel patuh syariah. Elemen-elemen yang dikenal pasti ini dapat menyumbang ke arah pembangunan industri perhotelan Islam yang lebih inklusif, tersusun dan memenuhi tuntutan maqasid syariah di Malaysia.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada panel pakar yang telah sudi meluangkan masa dan berkongsi pandangan serta kepakaran mereka dalam proses penilaian Fuzzy Delphi. Sumbangan mereka amat bermakna dalam memperkuat daptan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan prasarana dan kemudahan penyelidikan yang disediakan. Tidak dilupakan juga bimbingan penyelia dan rakan penyelidik yang banyak membantu dalam aspek metodologi dan analisis data. Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSiS), Universiti Teknologi MARA atas bantuan dana melalui Conference Support Fund (CSF) yang telah membolehkan penyertaan dalam persidangan ini. Akhir sekali, penghargaan ditujukan kepada ahli keluarga dan semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung menyumbang kepada kelancaran penyelidikan ini. Segala sokongan moral, dorongan dan doa mereka menjadi kekuatan sepanjang proses penulisan dan pelaksanaan kajian ini.

### **Konflik Kepentingan**

Penulis mengisyiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam menjalankan kajian ini, sama ada daripada aspek kewangan, peribadi maupun profesional. Semua penulis turut mengesahkan bahawa kajian ini telah dijalankan secara objektif tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

### **Pernyataan Pembiasaan**

Kajian ini telah dijalankan dengan sokongan dana umum universiti melalui peruntukan penyelidikan dalaman. Penulis merakamkan penghargaan atas bantuan kewangan dan sokongan prasarana yang telah diberikan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kajian ini. Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSiS), Universiti Teknologi MARA atas bantuan dana yang disalurkan melalui Conference Support Fund (CSF).

## Rujukam

- Abdullah, M. R. T. L., & Siraj, S. (2018). The evaluation of mLearning implementation model for English Language learning via Fuzzy Delphi method. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 26(1), 245–260.
- Abdullah, M., & Samad, N. (2023). Penilaian elemen spiritual dalam reka bentuk hotel patuh syariah. *Jurnal Hospitaliti Islam*, 5(2), 55–68.
- Abd Rahman, S. N. H., Azli, R. M., Zhaffar, N. M., Babge, S. N., & Abd Kahar, Y. M. (2025). Rujukan penting untuk hotel patuh Syariah: Perspektif global dan tempatan [Important references for Shariah-compliant hotels: Global and local perspectives]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 26(1), 39–51. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.233>
- Abd Rahman, S. N. H., Azli, R. M., Zhaffar, N. M., Pitchan, M. A., Jodi, K. H. M., & Zaim, N. H. (2025). Integrasi Maqasid Syariah dalam promosi hotel patuh Syariah melalui media sosial berdasarkan sorotan literatur. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(1), 50. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.50>
- Anjaria, K. (2023). Z-Delphi: A Z-number-based Delphi technique for technological forecasting to reduce optimism/pessimism bias in experts' convergent opinions. *International Journal of Computational Intelligence Systems*, 16(1), 1–15.
- Aziz, M., Yusoff, R., & Hamzah, N. (2024). Evaluating Shariah-compliant service quality using SEM approach. *International Journal of Halal Studies*, 5(1), 77–92.
- Bandura, A. (1977). Social learning theory. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Ciptono, A., Setiyono, S., Nurhidayati, F., & Vikaliana, R. (2019). Fuzzy Delphi method in education: A mapping. *Journal of Physics: Conference Series*, 1175(1), 012205.
- Dusuki, A. W., & Abozaid, A. (2022). Maqasid al-Shariah in contemporary Islamic thought. *Islamic Studies Journal*, 61(2), 145–163.
- Hashim, N., Sulaiman, A., & Mokhtar, R. (2023). Islamic hospitality and the demand for Shariah-compliant services. *International Journal of Halal Tourism Studies*, 8(1), 10–22.
- Hashim, H., Rahman, A., & Omar, N. (2023). Muslim tourist expectations in Islamic hospitality services. *Journal of Tourism and Hospitality Management*, 11(2), 55–68.
- Hoffman, M. L. (2000). Empathy and moral development: Implications for caring and justice. Cambridge University Press.
- Ismail, F., & Hassan, A. (2025). Comparative perspectives on Islamic tourism standards: Malaysia, Indonesia, and UAE. *Tourism, Culture & Society*, 14(1), 101–118.
- Ismail, H., Jalil, S. F., & Kamal, Z. (2024). Application of Fuzzy Delphi in religious-based tourism research. *Journal of Islamic Research Methodology*, 6(1), 35–47.
- Kamarzaman, M. H., Abd Rahman, S. N. H., Kamaruzaman, M. A. S., Mohd Azli, R., & Mohd Zhaffar, N. (2025). Application of Maqasid Shariah in Islamic hotel industry in Malaysia: An overview. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(4), 617–622. <https://dx.doi.org/10.47772/IJRRISS.2025.90400047>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2024). *Dasar Pelancongan Islam Negara 2024–2030*.
- Khorshidikia, S., Rismanchian, M., & Habibi, E. (2025). A narrative review on the application of Delphi and fuzzy Delphi techniques in the cement industry. *Work*, 80(1), 157–170.
- Khorshidikia, F., Aziz, Y., & Rahman, M. (2025). Global trends in Shariah-compliant hotels: Toward international standardization. *International Journal of Islamic Tourism Studies*, 8(1), 1–15.
- Lawnik, M., Krakowczyk, J., & Banasik, A. (2019). Fuzzy Delphi method with Z-numbers. In *Communications in Computer and Information Science* (pp. 132–143). Springer.

- Mohd, S. A., Latif, N., & Halim, R. (2024). Integrasi Maqasid Syariah dalam sistem perhotelan Islam. *Jurnal Syariah & Ekonomi*, 12(1), 45–59.
- Nordin, M. H., & Khalid, A. R. (2023). Fuzzy Delphi Method in Islamic social research: A conceptual approach. *Malaysian Journal of Social Sciences*, 11(4), 20–31.
- Ramli, R., Wahab, H., & Karim, N. (2023). Applying mixed-method approaches in Islamic hospitality research. *Journal of Islamic Management Studies*, 7(2), 33–49.
- Saffie, N. A. M., Shukor, N. A. M., & Rasmani, K. A. (2016). Fuzzy Delphi method: Issues and challenges. In *2016 International Conference on Logistics, Informatics and Service Sciences (LISS)* (pp. 1–6). IEEE.
- Sulaiman, H. F., Ismail, R., Mohd Yusoff, H., & Daud, F. (2020). Validation of occupational zoonotic disease questionnaire using fuzzy Delphi method. *Journal of Agromedicine*, 25(2), 120–131.
- Talib, M. H., & Rezouqi, S. E. (2024). Analysis of the effect of cost parameters in construction projects using fuzzy Delphi method and analytical hierarchy process. *AIP Conference Proceedings*, 2613(1), 020016.
- Tourism Malaysia. (2023). *Shariah-compliant hotels in Malaysia: Guidelines and prospects*. Laporan Rasmi Pelancongan Islam.
- Yusof, M. I., & Rahman, K. N. (2023). Religious obligations and Muslim customer expectations in Islamic hotels. *Asian Journal of Islamic Tourism*, 7(3), 88–99.
- Yusof, N., Hashim, N. L., & Hussain, A. (2022). A review of fuzzy Delphi method application in human-computer interaction studies. *AIP Conference Proceedings*, 2464(1), 060005.